

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

PENTING: Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Program *Automatic Balance Conversion* (ABC). Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat umum.

BANK RAKYAT
Program *Automatic Balance Conversion* (ABC) Kad Kredit-i Bank Rakyat

Tarikh:

1. Apakah Program *Automatic Balance Conversion* (ABC) ini?

Program '*Automatic Balance Conversion*' (ABC), merupakan program yang membolehkan Bank Rakyat membuat penukaran jumlah baki prinsipal tertunggak pemegang kad (transaksi runcit DAN pengeluaran tunai) secara automatik kepada bayaran ansuran bulanan selama 36 bulan dengan kadar keuntungan 13% setahun @ 1.08% sebulan. Program ini **HANYA** akan ditawarkan kepada pemegang Kad Kredit-i (akan dirujuk sebagai "Pemegang Kad" selepas ini) yang **TERPILIH** berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam Terma dan Syarat program ABC. Bank Rakyat akan memaklumkan Pemegang Kad yang layak melalui SMS, emel atau lain-lain saluran komunikasi yang difikirkan sesuai oleh Bank Rakyat.

Kriteria kelayakan:

- Warganegara Malaysia.
- Jumlah pendapatan tahunan **TIDAK MELEBIHI** RM60,000 setahun atau RM5,000 sebulan (berdasarkan jumlah pendapatan tahunan terakhir yang terdapat di dalam rekod Bank Rakyat).
- Tidak membuat pembayaran penuh secara konsisten bagi baki tertunggak dalam tempoh 12 bulan sebelum; dan
- Purata bayaran bulanan adalah 10% atau kurang daripada jumlah baki tertunggak dalam tempoh 12 bulan sebelum.
- Jumlah baki tertunggak semasa (transaksi runcit dan pengeluaran tunai) minimum adalah RM1,000.
- Akaun Kad Kredit-i **MESTILAH** berstatus **AKTIF** dan **TIDAK TERTUNGGAK** ketika program ABC ditawarkan.
- Wargakerja Bank Rakyat **TIDAK** layak untuk menyertai program ABC ini.

Anda boleh memilih untuk keluar (*opt-out*) daripada program ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh SMS tawaran ke program ABC diterima. Walaubagaimanapun, untuk penukaran kali pertama, Pemegang Kad diberi tempoh bertenang selama 30 hari lagi untuk keluar (*opt-out*) daripada program ABC ini. Untuk maklumat lanjut mengenai program *Automatic Balance Conversion* (ABC) serta Terma dan Syarat, sila kunjungi www.bankrakyat.com.my

2. Apakah yang saya perolehi daripada program ini?

Dengan menyertai program ini, anda akan menikmati faedah seperti berikut:

- **Kadar keuntungan 13% setahun atau 1.08% sebulan.**
- Penukaran jumlah baki prinsipal tertunggak (transaksi runcit **DAN** pengeluaran tunai) ke **bayaran ansuran selama 36 bulan.**
- **Tiada yuran pemprosesan** semasa pendaftaran ke program ABC.
- **Tiada penalti** untuk penjelasan awal.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Pemegang Kad adalah bertanggungjawab untuk memastikan membuat pembayaran **PENUH** bayaran ansuran bulanan di bawah program ABC yang merupakan sebahagian daripada bayaran minimum bulanan seperti yang dipaparkan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i. Kegagalan membuat pembayaran minimum setiap bulan, akan dikenakan caj ganti rugi (Ta'widh) dan kadar keuntungan seperti yang telah dinyatakan di dalam Borang Permohonan Kad Kredit-i dan Helaiian Pendedahan Produk.

Komposisi bayaran minimum bulanan adalah terdiri daripada :

- 5% daripada baki tertunggak (termasuk transaksi runcit, pindahan baki (tanpa ansuran), pengeluaran tunai, caj keuntungan, Cukai Perkhidmatan Kad, yuran tahunan (sekiranya ada), cukai tambahan yang dikenakan (sekiranya ada) dan lain-lain fi (sekiranya ada) **DAN**
- Pelan ansuran bulanan (kontrak ansuran bulanan FLEXI, EPP, pindahan baki dan sebarang ansuran lain dari masa ke masa) yang dilanggan **SELEPAS 31 MEI 2020 DAN**
- Kontrak ansuran bulanan pembiayaan berjadual bagi *Automatic Balance Conversion* (ABC) sekiranya ada **DAN**
- Bayaran minimum bulanan yang tertunggak **DAN**
- Amaun penggunaan melebihi had pembiayaan

ATAU

Bayaran minimum sebanyak RM50 daripada jumlah baki tertunggak, yang mana lebih tinggi.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?
TIADA yuran pemprosesan atau penalti bagi penjelasan awal di bawah program ABC.

5. Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Pemegang Kad akan dikenakan caj ganti rugi (Ta'widh) 1% daripada jumlah baki tertunggak bulanan, minimum RM10 dan maksimum RM100 yang mana lebih rendah sekiranya tiada bayaran diterima pada hari ke-4 selepas tarikh akhir pembayaran atau bayaran yang dibuat adalah kurang daripada jumlah bayaran minimum yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i.

Jika Pemegang Kad tidak membuat bayaran atau bayaran kurang daripada bayaran minimum yang dipaparkan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i dalam tempoh 3 bulan berturut-turut, program ABC akan terbatal secara automatik. Baki prinsipal di dalam program ABC akan dikenakan caj keuntungan mengikut Tier kadar keuntungan semasa seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Kad Kredit-i dan Helaian Pendedahan Produk.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya baki sebelum kematangannya?

- Tiada caj yang dikenakan ke atas bayaran penuh yang dibuat sebelum tamat tempoh ansuran. Walaubagaimanapun, Pemegang Kad perlu menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 untuk penyelesaian penuh di bawah program ABC.
- Bank akan memberi rebat (Ibra') pada jumlah baki keuntungan tertanggung/keuntungan belum terakru.
- Amaun penjelasan adalah seperti formula di bawah:

Jumlah Penyelesaian Awal = Baki Harga Jualan – Ibra' + Caj Ganti Rugi (jika ada)

Di mana;

Ibra' = Keuntungan Tertanggung + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) – Caj lain (jika ada)

7. Apakah risiko utama?

- Ansuran bulanan di bawah program ABC adalah sebahagian daripada bayaran minimum bulanan yang perlu dibayar dan mesti dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir bayaran yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i.
- Caj ganti rugi (Ta'widh) 1% daripada jumlah baki tertunggak bulanan, minimum RM10 dan maksimum RM100 yang mana lebih rendah sekiranya tiada bayaran diterima pada hari ke-4 selepas tarikh akhir pembayaran atau bayaran yang dibuat adalah kurang daripada jumlah bayaran minimum yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?

Anda hendaklah menghubungi Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 (24 jam) dengan kadar segera bagi memastikan sebarang maklumat akan dapat disalurkan secara efektif.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan untuk maklumat lanjut mengenai program ABC?

- a) Untuk maklumat lanjut, sila rujuk risalah produk atau layari laman sesawang kami iaitu www.bankrakyat.com.my atau anda boleh menghubungi mana-mana cawangan Bank Rakyat di seluruh negara.
- b) Sebarang cadangan dan pertanyaan boleh disalurkan ke:
 - Pusat Kad Bank Rakyat : 03-2693 6880 (24 jam)
 - Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-80-5454 / Talian Antarabangsa : +603-5526 9000
 - Isnin hingga Ahad : 24 jam
 - 7:30 pagi hingga 9:30 malam - Talian dibuka untuk semua pertanyaan
 - 9:30 malam hingga 7:30 pagi - Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad
 - E-mel : telerakyat@bankrakyat.com.my
- c) Sebarang aduan boleh dilaporkan kepada:
 - Pusat Kad Bank Rakyat : 03-2693 6880 (24 jam)
03-2692 4600 (Kehilangan dan kecurian kad)
 - Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-80-5454 / Talian Antarabangsa: +603-5526 9000
 - Isnin hingga Ahad : 24 jam
 - 7:30 pagi hingga 9:30 malam - Talian dibuka untuk semua pertanyaan
 - 9:30 malam hingga 7:30 pagi - Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad
 - E-mel : telerakyat@bankrakyat.com.my

atau,



Bank Pilihan Anda

menghantar aduan ke : Unit Biro Aduan Awam,
Khidmat Pelanggan, Tingkat 9
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur
atau e-mel ke aduan@bankrakyat.com.my

atau,
hubungi Bank Negara Malaysia
LINK atau TELELINK di : Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
No. Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAKI TERTUNGGAK ANSURAN PEMBIAYAAN DI BAWAH PROGRAM *AUTOMATIC BALANCE CONVERSION* (ABC).